



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA BAKAL MENCAPAI SASARAN KELESTARIAN MELALUI PELAN TINDAKAN KESIHATAN PLANET NEGARA

KUALA LUMPUR, 25 Julai 2024 - Malaysia komited untuk mencapai sasaran kelestarian melalui beberapa dasar dan pelan hala tuju negara yang mendorong langkah-langkah dasar dan tindakan bagi mengurangkan pelepasan karbon, mempercepatkan penggunaan teknologi tenaga boleh ubah, dan meningkatkan pemuliharaan alam sekitar. Ekoran itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), bersama Akademi Sains Malaysia (ASM), ketika ini sedang merangka Pelan Tindakan Kesihatan Planet Negara (PTKPN) yang bertujuan untuk mengintegrasikan kesihatan planet ke dasar kebangsaan, memastikan pendekatan holistik terhadap kelestarian.

Dalam ucapan pembukaan pada *National Dialogue on Planetary Health: Interconnectivity of Humans, Planet and Prosperity*, Menteri MOSTI, YB Tuan Chang Lih Kang, berkata, "Komitmen MOSTI merangkumi pelaksanaan Lima Pelan Hala Tuju Teknologi Negara yang memberi fokus kepada sektor-sektor kritikal kepada kesihatan planet, seperti Teknologi Hijau, Elektrik dan Elektronik, Teknologi Makanan, Teknologi Pengangkutan, dan Perkhidmatan Kesihatan. Melalui pembangunan dan penggunaan teknologi yang mengurangkan impak alam sekitar, kami secara proaktif menangani isu perubahan iklim, mempromosikan amalan pertanian lestari, dan memajukan penyelesaian pengangkutan mesra alam."

Tambahan beliau, "Usul nilai PTKPN terletak pada kemampuannya untuk memupuk kerjasama merentasi pelbagai sektor, mengintegrasikan pengetahuan tradisional dan moden serta menyediakan rangka kerja sistem penjejakan berimpak dan rangka kerja pangkalan data genomik alam sekitar. PTKPN bertujuan untuk memastikan planet yang lebih sihat dan kualiti hidup yang lebih baik untuk semua. Namun, kelebihan dalam bekerjasama tidak boleh dipandang rendah. Dengan usaha bersama, kerajaan,

industri, akademik, dan masyarakat sivil, kita boleh mencapai lebih banyak daripada yang dapat kita capai secara individu.”

Majlis Sains Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri telah memandatkan MOSTI dan ASM untuk membentuk integrasi PTKPN pada tahun 2022. PTKPN ini berfokuskan kemanusiaan, didayakan oleh STI, berasaskan alam semula jadi dan dipacu nilai. Pembentukannya merupakan pelan berorientasikan misi yang menggunakan pendekatan menyeluruh Malaysia dalam memastikan kesihatan rakyat, biodiversiti (flora dan fauna) dan planet. Konsep kesihatan planet berasal daripada pemahaman bahawa kesihatan manusia dan tamadun bergantung kepada kesihatan sistem semula jadi.

Secara global, gerakan kesihatan planet mula mendapat momentum, dengan negara-negara yang semakin mengiktiraf keperluan menangani perubahan iklim sebagai sebahagian daripada strategi kesihatan dan ekonomi mereka. Rangka kerja antarabangsa seperti Perjanjian Paris dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) membimbing negara-negara ke arah amalan yang lebih lestari.

Presiden ASM, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc berkata, “Kita perlu membangunkan sains pasca-normal yang berasaskan kepada satu set norma yang mencerminkan realiti kita. Hal ini akan membolehkan kita menangani Kesihatan Planet dengan berkesan dan lebih arif. Ini adalah perancangan dimana ASM perlu mengambil kepimpinan. Namun, kita semua di sini hari ini mempunyai peranan dalam menentukan arah yang akan diambil. Malah, sains pasca-normal akan menjadi sebahagian daripada sistem pengetahuan manusia yang bersepadu.”

Sesi Dialog Kesihatan Planet Negara merupakan sebuah platform bagi perbincangan yang bermakna serta penyelesaian masalah secara kolaboratif. Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang PTKPN, mendapatkan sokongan di peringkat kebangsaan, mendapatkan pengesahan dan cadangan daripada pihak berkepentingan serta menyelaraskan usaha dengan dasar kebangsaan yang sedia ada. Program ini menekankan kepentingan kerjasama merentasi sektor, mengintegrasikan pengetahuan tradisional dan moden dan melibatkan komuniti tempatan, seterusnya meletakkan Malaysia sebagai peneraju dalam usaha global bagi kesihatan planet.

#TAMAT#

Siaran Media diterbitkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
AKADEMI SAINS MALAYSIA**

25 Julai 2024

Kit Media: https://bit.ly/NationalDialogue_PlanetaryHealth

Pertanyaan media:

Syakirah Nurizzati Mohamad Hood
syakirah.nurizzati@akademisains.gov.my
(+6017 6780 925)